

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan bahawa apakah usaha dan langkah Kementerian dalam membantu pekebun-pekebun kecil di negeri Sabah terutamanya dalam aspek pembangunan infrastruktur ladang seperti perhubungan jalan raya, "culvert" dan jeti pemunggahan getah dan susu getah. Kita sedar bahawa Kementerian sentiasa peka dengan pekebun-pekebun kecil di negeri Sabah lebih-lebih lagi Sabah merupakan pengeluar getah kedua terbesar di Malaysia dengan memberikan skim galakan tanam semula getah, insentif pengeluaran getah serta pelbagai lagi skim galakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk Negeri Sabah, usaha-usaha adalah di bawah Kerajaan Negeri melalui agensi Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). Pihak Kementerian percaya pihak LIGS sedang melaksanakan usaha dan mengambil langkah yang terbaik untuk pekebun kecil di Sabah. Agensi di bawah Kementerian boleh membantu dari aspek teknikal dan khidmat kaji runding sekiranya mendapat permintaan daripada pihak LIGS ke arah usaha tersebut.